



**GARIS PANDUAN DAN SYARAT-SYARAT PERMOHONAN
LESEN MINUMAN KERAS (LIQOUR YANG MEMABUKKAN)
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

A. GARIS PANDUAN LESEN MINUMAN KERAS

1. Jenis aktiviti yang dimestikan mendapat LMK (Liquor Yang Memabukkan)
 - 1A) Pub / Bar / Lounge menjual / menghidangkan liquor
 - 1B) Restoran menjual / menghidangkan liquor
 - 1C) Gudang/Stor yang menjual/membekal liquor
 - 1D) Acara/Program yang menghidangkan liquor/bir.
 - 1E) **TIDAK DIBENARKAN** jualan liquor di **Kedai Runcit/Serbaneka /Ubat Cina berkuatkuasa 1 Oktober 2021** kecuali bagi tujuan ubatan tradisional sama ada campuran/ 'pure'

2. Jenis LMK (Liquor Yang Memabukkan) dan Premis **yang dibenarkan:**
 - 2.A) Borong (Wholeseller)**
 - Gudang/Stor/Rumah Kedai/Kompleks Perdagangan.
 - 2.B) Rumah Awam Kelas 1 (Public House –Pub/Bar/Lounge/ Restoran)**
 - Rumah Kedai/Hotel/Kompleks Perdagangan.
 - 2.C) Runcit**
 - Pasaraya/Hypermarket/Kompleks Perdagangan
 - **Berkuatkuasa 1 Oktober 2021 TIADA lagi lesen baharu LMK di Kedai Runcit /Serbaneka /Ubat Cina**
 - **Untuk LMK sedia ada di Kedai Runcit /Serbaneka /Ubat Cina, pembaharuan dibenarkan sehingga 30 September 2021 sahaja**
 - 2.D) Lesen Sementara**
 - Aktiviti Promosi/Acara yang menghidangkan bir/liquor.

3. Premis perniagaan menjual liquor yang memabukkan mestilah
 - 3.A) **Tidak boleh berhadapan dengan Balai Polis, Rumah Ibadah, Sekolah dan Hospital.**

4. **Had masa yang ditetapkan :**

4.A) Rumah Awam Kelas 1 (Public House) (Pub/ Bar/ Lounge/ Restoran)

10.00 pagi hingga 12.00 malam.

(Pemohonan lanjutan masa LMK (Liquor Yang Memabukkan) boleh dipohon berpandukan had masa aktiviti hiburan atau ketetapan di zon pusat hiburan yang telah diluluskan dan maksimum masa penjualan liquor adalah **sehingga jam 2 pagi sahaja**)

4.B) Borong (Wholeseller)

7.00 pagi hingga 9.00 malam

4.C) Rumah Bir

10.00 pagi hingga 12.00 malam

4.D) Runcit (Sehingga 30 September 2021)

Liquor 7.00 pagi hingga 9.00 malam

4.E) Lesen Sementara

Mengikut kelulusan yang dibenarkan

5. Pemohon / Pemegang lesen hanya dibenarkan kepada orang bukan beragama Islam.
6. Pemilik perniagaan mestilah terdiri daripada orang bukan beragama Islam (Pemilik Tunggal/Perkongsi) dan majoriti orang bukan beragama Islam dalam Lembaga Pengarah (Syarikat).
7. Permohonan Pembaharuan LMK (Liquor Yang Memabukkan).
 - Pemohon **WAJIB** memperbaharui lesen premis dahulu dan mengemukakan lesen premis yang sah tempoh
8. Mempamerkan lesen sepanjang masa di tempat perniagaan dijalankan dan mempamerkan kod QR di pintu masuk premis :
 - **Biru - boleh minum di premis**
 - **Kuning - bawa pulang sahaja**
9. Memastikan tiada pengunjung yang berumur di bawah **21 tahun** meminum minuman keras. Papan kenyataan mengenai larangan ini hendaklah dipamerkan di pintu masuk premis.
10. Memastikan tiada pengunjung beragama Islam meminum minuman keras. Papan kenyataan mengenai larangan ini hendaklah dipamerkan di pintu masuk premis.
11. Permohonan pembaharuan lesen yang lengkap perlu dihantar sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum lesen tamat.
12. Dilarang menjual liquor dalam bentuk 'sachet'.
13. Menjaga kebersihan premis dan pencemaran bunyi bising.
14. Menggalakkan perkhidmatan "Designated Driver"/e-hailing bagi pelanggan yang mabuk di premis LMK (Liquor Yang Memabukkan) Rumah Awam Kelas 1.

B. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN LESEN MINUMAN KERAS (LIQOUR YANG MEMABUKKAN) WPKL

1. Satu salinan lesen premis yang sah tempoh.
2. Dua Belas (12) keratan iklan **Notis Permohonan Lesen Menjual Minuman Keras (Liqour Yang Memabukkan)** oleh pemohon yang telah disiarkan dalam **empat (4) akhbar utama tempatan yang ditetapkan oleh JPPP:**
 - Satu (1) akhbar harian Bahasa Malaysia;
 - Satu (1) akhbar harian Bahasa Inggeris;
 - Satu (1) akhbar harian Bahasa Cina dan;
 - Satu (1) akhbar harian Bahasa Tamil.
 - i. Disiarkan tiga (3) hari berturut-turut.
 - ii. Format iklan notis tersebut ditetapkan.
 - iii. Saiz iklan mengikut saiz yang ditetapkan
 - iv. Kemukakan mukasurat penuh keratan iklan yang mempaparkan tarikh iklan, mukasurat iklan dan tandakan keratan iklan notis permohonan tersebut
3. Paparan notis pemberitahuan bersaiz A0 oleh pemohon menyatakan permohonan LMK (Liqour Yang Memabukkan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.
 - i. Paparan di hadapan premis tujuh (7) hari berturut
 - ii. Format paparan ditetapkan oleh JPPP
 - iii. Perlu dapatkan pengesahan dan cop menggunakan dakwat kekal daripada JPPP terlebih dahulu sebelum paparan dibuat
 - iv. Pemantauan tempoh paparan oleh JPPP
4. Pemohon mestilah berumur **21 tahun** ke atas sahaja pada tarikh permohonan dan menyertakan satu (1) salinan kad pengenalan pemohon.
5. Empat (4) keping gambar pemohon (saiz pasport).
6. Empat (4) keping gambar premis yang menunjukkan pandangan luar dan dalam bangunan serta kedudukan ruang penjualan liqour (bagi permohonan baharu sahaja)
7. Satu (1) salinan pelan lokasi yang menunjukkan tempat perniagaan yang dicadangkan.

C. TAMBAHAN KEPADA SYARAT LESEN PREMIS

1. Penjualan Bir di Kedai Runcit /Serbaneka /Ubat Cina (**Berkuatkuasa 1 Oktober 2021**)
 - i. 7.00 pagi sehingga 9.00 malam sahaja.
 - ii. Menyediakan ruang penjualan/pameran khas bagi bir berasingan dari minuman lain.
 - iii. Mengunci ruang penjualan/pameran selepas tamat masa operasi penjualan bir
 - iv. Had umur pembeli 18 tahun ke atas.

2. Pembuatan, penjualan, pengambilan Samsu adalah diharamkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (**Berkuatkuasa 15 Disember 2020**)

